

IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempelawa individu yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di UTeM. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

1) MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Utama
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6)
Jumlah Gaji	: Minimum RM8,650.00 Maksimum RM24,030.00
Status Pelantikan	: Secara Pertukaran Sementara / Pinjaman/ Kontrak
Kelayakan dan Pengalaman	: Sekurang-kurangnya menyandang jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) secara tetap/kontrak

2) BIDANG TUGAS

Melaksanakan tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Statut UTeM seperti di **Lampiran 1**.

3) KRITERIA UMUM

a) Kecemerlangan Akademik:

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

b) Pengiktirafan Antarabangsa:

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

c) Kebolehan Memimpin dan Mengurus:

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehampuhan calon.

d) Reputasi:

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven tracks record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

e) Personaliti:

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu

kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan insan bermentaliti kelas pertama.

- f) **Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* universiti.**

4) KRITERIA KHUSUS

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria seperti berikut :

- a) **Mempunyai PhD atau Kelayakan Profesional**

Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Bagi Universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, *Malaysian Technical Universities' Networks* (MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC (A&A).

- b) **Berpengalaman dalam Pembentukan Kurikulum (*Curriculum Design*)**

Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu khususnya dalam bidang berkaitan **TVET tinggi**. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti.

- c) **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran**

TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam

mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*SCL*), Pembelajaran Berasaskan Masalah (*PBL*), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (*POPBL*), Pembelajaran Sepanjang Hayat (*LL*), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

d) Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

e) Pengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyediaan pasca siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

f) Hal Ehwal Antarabangsa dan Hubungan Industri

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh calon. Selain itu, calon perlu komited dalam memperkasakan hubungan Universiti-Industri melalui inisiatif seperti kolaborasi dan sebagainya. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan berprestasi tinggi di peringkat industri dan antarabangsa.

5) **CARA PERMOHONAN**

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut :

- i) **Surat permohonan rasmi;**
- ii) **Ringkasan Curriculum Vitae (CV) (Lampiran A);**
- iii) **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap;**
- iv) **Salinan sijil-sijil yang telah disahkan;**
- v) **Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM; dan**
- vi) **Dokumen sokongan yang berkaitan.**

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut :

**Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya,
76100 Durian Tunggal,
Melaka.**

atau melalui emel azrinaalwi@utem.edu.my / nurayuni@utem.edu.my

Tarikh tutup permohonan : 18 April 2025

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di talian: 06-2701900/1954.

Makluman:

Nota:

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual.
- b) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/ temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh UTeM.
- c) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.

Lampiran 1 dan Lampiran A boleh dimuat turun melalui laman web layari

<https://www.utem.edu.my/ms/jawatan-kosong.html> atau

<https://www.utem.edu.my/en/job-vacancies.html>